

NOTA PENERANGAN
KUIZ KAHOOT! SIMPAN SSPN

1. Kempen Bulan Menabung Simpan SSPN (BMS) 2022 merupakan salah satu kempen yang telah dirangka dan dilaksanakan bermula tahun 2018 sebagai salah satu kempen promosi dalam usaha untuk menjadikan SSPN sebagai pilihan utama masyarakat untuk membuat penabungan.
2. Kuiz Kahoot! merupakan slot interaksi dan terbuka di antara PTPTN dengan pelanggan secara langsung melalui aplikasi Kahoot! Aktiviti ini juga menawarkan cenderamata menarik untuk pelanggan yang mengambil bahagian sepanjang kuiz ini dijalankan. Cara penyertaan adalah seperti berikut.

TEMPOH PERTANDINGAN

3. Pertandingan ini akan diadakan pada **2 Oktober 2022 (Ahad)**.
4. PTPTN mempunyai hak mutlak untuk menukar atau meminda tempoh pertandingan ini sekiranya perlu dengan memberi notis awal melalui laman web rasmi PTPTN, media massa, paparan notis di cawangan-cawangan PTPTN atau apa-apa cara yang difikirkan sesuai sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar.

KELAYAKAN KUIZ KAHOOT!

5. Terdiri daripada **warganegara Malaysia**.

CARA PENYERTAAN KUIZ KAHOOT!

6. Sediakan telefon bimbit anda untuk menjawab kuiz.
7. Muat turun aplikasi Kahoot di *Google Play Store* atau *Apple App Store* atau *Huawei App Gallery* atau, lebih mudah layari www.kahoot.it.
8. Masukkan identiti anda mengikut format di bawah:
No. telefon (nama)
Contoh: 012-1234567 (Julia)
9. Pastikan identiti anda dipaparkan di skrin pentas, dan bersedia untuk menjawab kuiz.
10. Bersedia di perkarangan pentas untuk melihat soalan yang dipaparkan di skrin pentas.

HADIAH PERTANDINGAN DAN TUNTUTAN HADIAH

PEMENANG	HADIAH
	Cenderamata PTPTN

11. PTPTN tidak bertanggungjawab untuk apa-apa kelewatan atau kegagalan menerima notifikasi atas apa-apa sebab, kesulitan teknikal yang berkaitan dengannya atau kegagalan peserta memberikan butiran diri setelah diumumkan sebagai pemenang.
12. Pemenang akan dimaklumkan melalui surat/ e-mel/ panggilan telefon atau apa-apa kaedah penyampaian lain yang bersesuaian.
13. Hadiah yang dimenangi tidak boleh dipindah milik atau ditukar sama ada sebahagian atau keseluruhannya kepada bentuk lain selain yang ditetapkan oleh PTPTN.
14. Pemenang perlu menanggung semua kos tuntutan hadiah dan kehadiran ke majlis penyampaian hadiah, jika berkenaan.

PERUNTUKAN UMUM

15. PTPTN berhak meminda, membatalkan atau menambah mana-mana terma dan syarat di dalam pertandingan ini sama ada secara keseluruhan atau sebahagian tanpa notis terlebih dahulu. Pindaan, pembatalan atau penambahan tersebut adalah dianggap mengatasi pernyataan sepertimana yang terkandung di dalam bahan promosi pengiklanan yang berkaitan dengannya.
16. PTPTN berhak untuk membatalkan, menamatkan atau menangguhkan ~~kempen~~ pertandingan ini dengan atau tanpa notis terlebih dahulu dan/ atau tanpa memberikan apa-apa sebab kepada mana-mana peserta. Untuk mengelakkan keraguan, sebarang pembatalan, penamatan atau penggantungan pertandingan ini oleh PTPTN tidak akan memberi hak kepada mana-mana peserta untuk apa-apa tuntutan atau pampasan terhadap PTPTN ke atas apa-apa dan/ atau keseluruhan kehilangan, kos, perbelanjaan atau kerosakan yang ditanggung atau dialami sebagai kesan langsung atau tidak langsung daripada pembatalan, penamatan atau penggantungan tersebut.
17. PTPTN tidak bertanggungjawab ke atas penghantaran penyertaan yang lewat, hilang, tidak lengkap, tidak diserahkan, ditangguhkan, rosak atau salah arah sama ada disebabkan kesilapan, peninggalan, pengubahan, gangguan, penghapusan, kecurian, pemusnahan atau sebaliknya.
18. PTPTN berhak membatalkan sebarang penyertaan tanpa sebarang notis, sekiranya didapati peserta tidak layak dan tidak mengikut terma dan syarat yang telah ditetapkan.
19. Jika pemenang didapati tidak memenuhi syarat-syarat untuk mengambil bahagian dalam kempen ini atau menebus hadiah yang diberikan, PTPTN berhak untuk membatalkan atau mengambil semula hadiah dan menganugerahkan hadiah yang sama kepada pemenang yang lain sebagaimana yang ditentukan oleh PTPTN.

20. Penyertaan peserta dalam kempen ini adalah atas risiko peserta sendiri. PTPTN tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang kecederaan, kehilangan, kerosakan atau tuntutan akibat penyertaan tersebut.
21. Segala terma dan syarat yang terdapat di dalam dokumen ini dan juga sebarang keputusan yang dibuat oleh PTPTN berhubung pertandingan ini adalah muktamad dan konklusif. PTPTN tidak akan melayan sebarang rayuan atau pertikaian melibatkan keputusan yang telah dibuat.
22. PTPTN boleh menggunakan penyertaan peserta termasuk tanpa terhad kepada gambar, video, lukisan, teks, dan kandungan atau maklumat lain yang dikemukakan untuk tujuan promosi (secara kolektif dinamakan "Bahan"), dan nama peserta, dan/atau persamaannya, untuk tujuan pengiklanan, publisiti dan promosi mana mana barangan atau perkhidmatan PTPTN, untuk tempoh tidak terhad di seluruh dunia tanpa pampasan, dan dalam mana-mana media. Peserta hendaklah melakukan segala perkara yang perlu untuk tujuan ini jika diminta oleh PTPTN.
23. Segala surat-menyurat yang dihantar ke alamat terakhir mengikut rekod PTPTN adalah dianggap telah diserahkan kepada peserta.

Nota: Anda dinasihatkan untuk membaca dan memahami Nota Penerangan penuh

**Kuiz Kahoot! Simpan SSPN
Bulan Menabung Simpan SSPN (BMS) 2022**

Maklumat dikemaskini pada 21 September 2022